



KAJIAN KEBERKESANAN KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH (KPKEWS) INSTITUT AMINUDDIN BAKI KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

Kamaruzaman Moidunny Ph.D, Ruhaya Hassan Ph.D,
Marzita Abu Bakar Ph.D, Samsuddin Mohd Said, Abdul Mu'ti bin Ahmad,
Noraida Mohd Nor, Yahaya bin Mohamed, Husney bin Hamzah, Zakiah bt. Ahmad,
Noraizan Nor, Ismail bin Udoh, Cheryl Lyn Bolongon, Mohd Reimi Ismail,
Muhammad Rizal Abdullah, Huraizah bt. Johan Ariffin

ABSTRAK

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk menilai keberkesanan kursus pengurusan kewangan sekolah yang dijalankan di Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Pengumpulan data kajian dilaksanakan melalui soal selidik yang mempunyai item-item yang sama dalam sebelum dan selepas bekursus serta soalan open-ended yang boleh menyokong dapatan kuantitatif. Sampel kajian ini melibatkan seramai 335 responden yang terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar yang telah menghadiri program dan kursus di IAB. Dapatan kajian menunjukkan peserta dapat menambahkan pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri sebelum dan selepas peserta menghadiri kursus terutama dalam aspek-aspek umum seperti dasar dan prosedur kewangan, aspek nilai dan aspek proses pengurusan kewangan itu sendiri. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati terdapat perbezaan yang signifikan dalam peningkatan pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri tersebut. Hal ini dikukuhkan oleh dapatan soalan open-ended yang menunjukkan kursus ini dapat membantu responden dalam menguruskan kewangan sekolah dengan lebih berkeyakinan, lebih berpengetahuan, lebih berkemahiran, lebih berhemat dan lebih bersistematik. Selain itu, kajian mendapati munculnya kemahiran-kemahiran baru seperti kemahiran menyelia, kemahiran mengawal, kemahiran membimbing, kemahiran menyemak, kemahiran bekerjasama dan lain-lain lagi. Kajian juga mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah. Antara masalah utamanya adalah kurang pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pembantu tadbir dan pentadbir sendiri, peruntukan yang lambat, bilangan staf sokongan yang kurang di sekolah, kekangan masa, kuiri audit dan penyeliaan yang kurang mantap. Antara cadangan peningkatan kemahiran diperlukan adalah kursus untuk juruaudit dalam, kursus audit berteguran dan kursus penyata akaun sekolah (PATS). Selain itu, kursus-kursus lain seperti kursus mengenai pengurusan buku vot dan kursus pengurusan kewangan asrama.



1.0 PENDAHULUAN

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) merupakan penerima jumlah peruntukan yang terbesar berbanding agensi kerajaan yang lain. Jumlah peruntukan ini menunjukkan aliran yang kian meningkat dari setahun ke setahun (Shahril, 2007). Peruntukan yang besar ini adalah amanah daripada pembayar cukai untuk dibelanjakan bagi mendukung pelaksanaan satu sistem pendidikan bertaraf dunia. Selain itu, ia juga bermatlamat untuk menyediakan sumber tenaga dan manusia untuk keperluan dan kemajuan negara. Justeru, peruntukan yang besar ini perlu diuruskan dengan baik dan berkesan. Pengurus sekolah hendaklah meningkatkan usaha untuk memahirkan diri dan bertanggungjawab dalam menguruskan sekolah kerana dalam Arahan Perbendaharaan 16 menyatakan "...tidak mahir mengenai undang-undang bukanlah menjadi satu alasan untuk menyatakan tidak tahu". Menurut Murphy dan Halinger (1989), pengetua harus mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam pentadbiran kewangan sekolah. Pengetahuan dan kemahiran pengetua dan pembantu tadbir kewangan sekolah boleh dipertingkatkan melalui latihan dan perkembangan staf sekolah kerajaan (Azizah, 2004; Azman, 2001; Jaimis, 2004; Mohamed, 1997; Mokhtar, 2003).

Penegasan dan keseriusan kerajaan dalam hal ini dapat ditunjukkan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP). Strategi ketiga dalam empat strategi utama yang digariskan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan, pentadbiran dan kepimpinan pendidikan adalah dengan mempertingkatkan lagi latihan pengurusan kewangan melalui pemberian latihan di semua peringkat personel yang bertujuan untuk memberi maklumat, pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan undang-undang, dasar serta peraturan kewangan yang sedia ada supaya perkara-perkara tersebut difahami dengan jelas dan dipatuhi sepenuhnya.

Sehubungan dengan itu, bagi tahun 2007 hingga 2009, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM23.337 juta (2007), RM47.995 juta (2008) dan RM42.76 juta (2009) kepada Institut Aminuddin Baki (IAB), KPM untuk menguruskan program latihan termasuklah mengadakan kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah (IAB, 2009; Kamaruzaman, 2009). Ringkasnya, dapat dinyatakan

bahawa kerajaan melalui KPM amat serius untuk memastikan keberkesanan pengurusan kewangan sekolah sekali gus dapat mempertingkatkan pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengurus sekolah melalui program-program latihan. Adanya program-program latihan yang berkesan diharapkan dapat menambahkan kecekapan sistem penyampaian pendidikan agar lebih telus dan lebih berwibawa.


2.0 RASIONAL KAJIAN

Perkembangan Pengurusan Berasaskan Sekolah (PBS) atau lebih dikenali sebagai *School Based Management (SBM)* menuntut pengurus sekolah lebih berketerampilan dan lebih cekap dalam pengurusan terutamanya dalam aspek pengurusan kewangan. Namun demikian, berdasarkan pemeriksaan Jemaah Nazir Jaminan Kualiti (JNJK) KPM mendapati bahawa pemimpin sekolah kurang jelas dan memahami tanggungjawab mereka dalam pengurusan kewangan walaupun setelah menghadiri kursus kewangan sekolah. Selain itu kajian tentang pengurusan kewangan sekolah dalam negara ini mendapati bahawa terdapat pengetua yang kurang mahir dan kurang berpengalaman dalam mengendalikan pengurusan kewangan dan kerap bergantung kepada kerani sekolah (Azizah, 2004; Mokhtar, 2003).

Zaidatol Akmaliah (1990) menyatakan bahawa pengetua didapati lemah dalam bidang pengendalian perakaunan kewangan sekolah. Manakala, Ramaiah (1992), lantikan pengetua sekolah di Malaysia adalah berdasarkan kekananan bukannya berasaskan kelayakan profesional kepengetuaan. Menurutny lagi, seseorang guru yang dilantik sebagai pengetua tidak semestinya mempunyai kemahiran pentadbiran kewangan seperti yang diperlukan. Tambahan pula kursus kewangan hanya diberikan selepas pelantikan pengetua dibuat (Mohamed, 1997). Namun demikian, masih ramai lagi pentadbir sekolah yang belum mendapat latihan yang mencukupi lantaran bilangan sekolah telah mencecah 9,614 buah sekolah di seluruh negara pada tahun 2005 (EPRD, 2005). Kekurangan dan kelemahan dalam aspek pengurusan kewangan ini menyebabkan pengetua tidak mempunyai masa yang cukup dan tidak berkemahiran untuk menyelia, memantau dan mengendalikan pengurusan kewangan dengan lebih cekap (Azizah, 2004; Mokhtar, 2003).



Selain itu, bagi tempoh kewangan tahun 2005, didapati prestasi pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah kurang menunjukkan kemajuan kerana bilangan ketidakpatuhan terhadap peraturan dan penyelenggaraan rekod kewangan semakin meningkat. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada sekolah yang tidak mematuhi tatacara seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 12, Peraturan-peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 dan tidak menyelenggarakan rekod kewangan dengan teratur.



Rajah 1: Sijil audit berteguran bagi tahun 2001-2008

Sumber : Bahagian Audit Sekolah, KPM

Rajah 1 di atas menunjukkan peningkatan bilangan Sijil Audit Berteguran yang dikeluarkan oleh Bahagian Audit Sekolah bagi tempoh lapan tahun (2001 – 2008). Terdapat peningkatan sebanyak 370 buah sekolah yang mendapat Sijil Audit Berteguran iaitu dari 521 (6 peratus) buah sekolah pada tahun 2004 kepada 891 (11 peratus) pada tahun 2005 dan seterusnya pada tahun 2006 meningkat kepada 1 115 (14 peratus). Kelemahan yang ketara adalah daripada aspek kawalan terimaan dan kawalan perbelanjaan. Kelemahan-kelemahan ini berulang pada setiap tahun dan melibatkan jumlah wang yang besar dan hal ini adalah amat membimbangkan (Bahagian Audit Sekolah, 2005). Antara ketidakpatuhan kepada pengurusan kewangan adalah dalam aspek-aspek berikut: (i) buku vot tidak diselenggarakan dengan kemas kini dan teratur, (ii) buku tidak disemak oleh pengurus sekolah, (iii) pesanan tempatan tidak dicatatkan dengan butir yang lengkap, (iv) daftar bil tidak diselenggarakan, tidak diperiksa dan diselenggarakan tetapi tidak lengkap



dan kemas kini, (v) bayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap, dan (vi) penyata penyesuaian tidak disediakan seperti mana ditetapkan (Bahagian Audit Sekolah, 2005). Terdapat faktor-faktor lain yang turut menyumbang kepada hal ini seperti kelemahan individu, kelemahan organisasi dan sistem kawalan, kelemahan kepimpinan dan keadaan persekitaran (Mokhtar, 2003). Selain itu, kurang pemantauan daripada pihak atasan juga menyumbang kepada kelemahan pengurusan kewangan ini (Jaimis, 2004; Zaidah, 2004).

Ringkasnya, terdapat jurang antara matlamat KPM dengan keberkesanan kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah yang dianjurkan oleh IAB. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah anjuran IAB dan mencapai matlamatnya. Hal ini penting terutamanya untuk tujuan memenuhi kehendak *stakeholder* pendidikan selaras dengan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dan Dasar Belanjawan Negara.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Kajian Keberkesanan Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah (KPKewS) bertujuan bagi mendapatkan maklum balas peserta-peserta tentang keberkesanan KPKewS yang dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki setelah menghadiri kursus tersebut. Dapatan kajian ini diharapkan akan dapat memberi maklumat kepada proses penambahbaikan pelaksanaan dan keberkesanan kursus dan latihan kewangan sekolah khususnya di IAB dan di KPM amnya.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

- 4.1 Mengetahui maklum balas (reaksi) peserta terhadap pengendalian KPKEWS
- 4.2 Menenal pasti sama ada KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan kewangan sekolah.



- 4.3 Mengenal pasti sama ada KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan pengurusan kewangan sekolah
- 4.4 Mengenal pasti bagaimana KPKEWS dapat memberi faedah kepada pengurus sekolah dalam pengurusan kewangan sekolah.
- 4.5 Mengenal pasti bagaimana KPKEWS dapat meningkatkan kemahiran pengurus sekolah mengurus kewangan di sekolah.
- 4.6 Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta cadangan penambahbaikan KPKEWS
- 4.7 Mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah.
- 4.8 Mengenal pasti keperluan-keperluan kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah

5.0 PERSOALAN KAJIAN

- 5.1 Apakah maklum balas (reaksi) peserta terhadap pengendalian KPKEWS?
- 5.2 Sejauh manakah KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan kewangan sekolah?
- 5.3 Sejauh manakah KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan pengurusan kewangan sekolah ?
- 5.4 Sejauh manakah KPKEWS dapat memberi faedah kepada pengurus sekolah dalam pengurusan kewangan sekolah?
- 5.5 Sejauh manakah KPKEWS dapat meningkatkan kemahiran pengurus sekolah mengurus kewangan di sekolah?
- 5.6 Apakah kekuatan dan kelemahan serta cadangan penambahbaikan KPKEWS?
- 5.7 Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah?

- 5.8. Apakah kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah yang diperlukan oleh pengurus sekolah?

6.0 REKA BENTUK DAN PERSAMPELAN

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan inferensi bertujuan untuk meninjau dan meneliti keberkesanan Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah (KPKEWS). Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian ini akan dijalankan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kepada Pengetua atau Guru Besar yang telah mengikuti KPKEWS anjuran IAB. Soal selidik ini dibina berasaskan instrumen Kajian Impak Kursus *King's College London* (KCL) dan buku Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah (SKKS), KPM.

Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, B dan Bahagian C. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden, Bahagian B adalah mengenai kompetensi dan kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah yang diperoleh sebelum dan selepas menghadiri KPKEWS. Kompetensi responden ditinjau sebelum dan selepas menghadiri KPKEWS dalam tiga aspek iaitu (i) pengetahuan dan kefahaman, (ii) nilai-nilai profesional yang harus ada bagi setiap pengurus sekolah dan (iii) kemahiran sendiri yang merupakan amalan dan tindakan selepas itu. Manakala, soalan dalam Bahagian C adalah berbentuk soalan *open-ended* yang berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab dalam pengurusan kewangan, bagaimana peserta dapat mengaplikasikan ilmu yang dipelajari, kekuatan dan kelemahan kursus serta permasalahan yang dihadapi di sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah.

Sampel kajian adalah terdiri daripada 570 peserta kursus yang telah menghadiri KPKEWS di IAB. Berdasarkan populasi sekolah di KPM iaitu 9 614 (EPRD, 2005), bilangan sampel ini adalah sesuai berdasarkan jadual persampelan oleh Krecjie dan Morgan (1970). Selain itu, mengikut Pallant (2007), persampelan yang sesuai untuk sesuatu kajian adalah lebih daripada 350 sampel. Daripada 570 sampel tersebut, seramai 335 responden telah memberi maklum balas yang lengkap. Berikut adalah perincian kepada sampel yang digunakan.



1. Peserta yang menghadiri kursus 2010:
 - a. IAB Induk – 5 kumpulan x 30 peserta = 150 responden
 - b. IAB Utara – 2 kumpulan x 30 peserta = 60 responden
 2. Peserta yang telah menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan Tahun 2009:
 - 12 kumpulan x 30 peserta = 360 responden
- JUMLAH = 570 responden**

7.0 TATACARA PENGUMPULAN DATA

Soal selidik ini ditadbir melalui dua saluran iaitu: (i) melalui peserta-peserta kursus yang sebaik sahaja telah selesai mengikuti KPKEWS, dan (ii) melalui pos bagi peserta-peserta yang telah mengikuti KPKEWS pada tahun 2009. Peserta-peserta kursus adalah terdiri daripada Pengetua, Guru Besar, Penolong Kanan, Pegawai-pegawai di KPM. Walau bagaimanapun fokus utama kajian adalah lebih tertumpu pada pemimpin sekolah iaitu Pengetua dan Guru Besar yang terlibat secara langsung dalam menguruskan kewangan sekolah.

Selain itu, bagi menentukan kebolehpercayaan kajian, kajian rintis dijalankan kepada 30 peserta. Ujian *Cronbach Alfa* digunakan bagi menentukan kebolehpercayaan kajian ialah 0.91. Menurut Majid Konting (1998), nilai *Cronbach alfa* yang melebihi 0.6 boleh disandarkan untuk menentukan kebolehpercayaan sesuatu kajian tersebut. Selain itu juga soal selidik ini juga telah dirujuk kepada dua orang panel pakar untuk menentukan kesahan muka dan kesahan kandungannya sebelum ditadbir.

8.0 TATACARA PENGANALISISAN DATA

Data kajian dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 14.0. Dalam Bahagian A iaitu berkaitan dengan latar belakang responden dianalisis menggunakan statistik kekerapan, min dan peratusan.

Manakala dalam Bahagian B, analisis inferensi yang digunakan ialah *Paired Sampel t-test*. Analisis ini akan dapat membandingkan perbezaan bagi aspek pengetahuan dan kefahaman, nilai-nilai profesional dan kemahiran sendiri sebelum dan selepas menghadiri KPKEWS. Interpretasi skor min yang digunakan adalah seperti di bawah ini.

Jadual 1

Skor min dan interpretasinya

Skor min	Interpretasi (tahap)
1.00 – 1.89	Sangat Rendah
1.90 – 2.69	Rendah
2.70 – 3.49	Sederhana
3.50 – 4.29	Tinggi
4.30 – 5.00	Sangat Tinggi

Sumber : BPPDP (2005)

Manakala, analisis soalan terbuka dalam Bahagian C adalah dengan membuat transkripsi dan dianalisis secara manual dengan bantuan *Microsoft Excell* dengan memberi kod dan memberi tema-tema khusus yang sesuai dengan objektif kajian.

9.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan batasan tertentu terutamanya dari segi lokasi, peserta dan tumpuan kajian. Responden adalah terdiri daripada Pengetua dan Guru Besar sekolah yang menghadiri KPKEWS di Institut Aminuddin Baki di Genting Highlands. Hal ini bertepatan dengan saranan KPM ke arah penjimatan perbelanjaan tanpa menjejaskan kualiti pendidikan.



10.0 PELAKSANAAN KAJIAN

10.1 CARTA GANTT

KAJIAN KEBERKESANAN KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH (KPKEWS)

BIL	PERKARA	APRIL				MEI				JUN				JULAI				OGOS			
		1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
1	Pembentukan JK peringkat Jabatan Pengurusan Kewangan dan Pentadbiran Pejabat																				
2	Pembentangan dan Kelulusan <i>Proposal</i> Kajian di peringkat Jabatan																				
3	Penilaian Panel Pakar																				
4	Pembentangan <i>Proposal</i> Kajian di peringkat Pusat Kepimpinan dan Komunikasi Pendidikan																				
5	Pelantikan Jawatankuasa Penyelidikan																				
6	Pelaksanaan Kajian Rintis																				
7	Pemurnian Soal Selidik																				
8	Pengumpulan data																				
9	Analisis data																				
10	Laporan dapatan																				
11	Pembentangan dapatan																				

10.2 IMPLIKASI KEWANGAN

ANGGARAN PERBELANJAAN

1. Sampul Surat	- 570 responden x 2 keping (RM 1.00)	= RM 570.00
2. Setem	- 570 responden x RM 2.00	= RM 1,140.00
3. Kertas	- 20 rim Kertas A4 x RM 9.00	= RM 180.00
JUMLAH		RM 1,890.00

11.0 LAPORAN DAPATAN KAJIAN

Laporan dapatan kajian ini dilakukan berdasarkan maklum balas soal selidik yang dikembalikan dengan lengkap oleh peserta-peserta tentang keberkesanan KPKEWS yang dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki setelah menghadiri kursus tersebut. Dapatan ini dilaporkan dalam tiga bahagian utama iaitu Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C. Bahagian A adalah berkaitan dengan demografi kajian yang dijalankan. Manakala, Bahagian B pula adalah berkaitan dengan dapatan kajian yang dianalisis secara kuantitatif menggunakan *SPSS version 14.0* yang tertumpu dalam aspek reaksi, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri responden sebelum dan selepas kursus. Bahagian C pula analisis bagi soalan terbuka termasuklah faedah menghadiri kursus, kemahiran-kemahiran yang muncul, kekuatan, kelemahan, cadangan penambahbaikan, masalah-masalah dalam pengurusan kewangan sekolah dan keperluan kursus kewangan.

11.1 BAHAGIAN A : DEMOGRAFI KAJIAN

Responden kajian berjumlah 335 orang yang terdiri daripada lelaki sebanyak 174 orang (51.9 peratus) dan perempuan sebanyak 61 orang (48.1 peratus). Manakala, dari segi pecahan mengikut jawatan, 196 orang (58.5 peratus) ialah Guru Besar, 120 orang (35.8 peratus) adalah Pengetua, 11 orang (3.3 peratus) Penolong Kanan,



2 orang (0.6 peratus) daripada Bahagian/JPN/PPD KPM dan selebihnya 6 orang (1.8 peratus) daripada lain-lain jawatan. Ini bermakna, hampir setengah responden kajian adalah terdiri daripada lelaki dan setengah lagi perempuan. Kebanyakan daripada mereka memegang jawatan Guru Besar (lihat Jadual 2).

Jadual 2

Jantina dan jawatan

Jantina	Kekerapan	Peratus
Lelaki	174	51.9
Perempuan	161	48.1
Jumlah	335	100.0

Jawatan	Kekerapan	Peratus
Bahagian/JPN /PPD KPM	2	0.6
Pengetua	120	35.8
Guru Besar	196	58.5
Penolong Kanan	11	3.3
Lain-lain	6	1.8
Jumlah	335	100.0

Berdasarkan komposisi umur dalam Jadual 3, sebanyak 235 orang (70.1 peratus), mempunyai umur melebihi 50 tahun, 83 orang (24.8 peratus) dalam lingkungan umur antara 46 tahun hingga 50 tahun, 16 orang (4.8 peratus) antara lingkungan umur 36 tahun hingga 45 tahun dan umur kurang 35 tahun ialah 1 orang (0.3 peratus). Berdasarkan pengalaman responden dalam pengurusan kewangan sekolah pula, kajian menunjukkan bahawa 148 orang (44.2 peratus) responden mempunyai pengalaman kurang 3 tahun, 54 orang (16.1 peratus) responden tiada pengalaman, 53 responden (15.8 peratus) berpengalaman dan lebih 9 tahun, 51 responden (15.2 peratus) mempunyai pengalaman antara 4 hingga 6 tahun, dan 29 responden (8.7 peratus) mempunyai pengalaman antara 7 tahun hingga 9 tahun.

Jadual 3
Umur dan pengalaman

Umur	Kekerapan	Peratus
Kurang 35 tahun	1	0.3
36-45 tahun	16	4.8
46-50 tahun	83	24.8
Lebih 50 tahun	235	70.1
Jumlah	335	100.0

Pengalaman	Kekerapan	Peratus
Tiada pengalaman	54	16.1
Kurang 3 tahun	148	44.2
4 - 6 tahun	51	15.2
7 - 9 tahun	29	8.7
Lebih dari 9 tahun	53	15.8
Jumlah	335	100.0

Ini bermakna, dalam kajian ini lebih kurang 70 peratus responden berumur lebih 50 tahun dan kebanyakannya mempunyai pengalaman kurang dari tiga tahun dalam menguruskan kewangan sekolah. Selain itu, kajian juga mendapati lebih kurang 16 peratus pengurus sekolah tiada mempunyai pengalaman menguruskan kewangan sekolah.

Berdasarkan Jadual 4 pula, kajian mendapati 177 responden (52.7 peratus) telah menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah, 68 responden (20.4 peratus) telah menghadiri kursus kewangan dalam KKPP/KPKS, 40 responden (11.9 peratus) telah menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah Bukan PTJ, 14 responden (4.3 peratus) mendapat kursus melalui Kursus NPQH/NPQEL dan 13 responden (3.8 peratus) menghadiri Kursus Pengurusan Kewangan Sekolah PTJ. Selebihnya, telah menghadiri Kursus eSPKB dan Kursus Penyata



Akaun Sekolah (PATS) 9 responden (2.7 peratus) dan 5 responden (1.6 peratus) telah menghadiri Kursus Audit Berteguran. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa seramai 151 responden (45.1 peratus) telah menghadiri kursus kewangan lebih daripada dua kali dalam pelbagai kursus. Ini bermakna, hampir setengah daripada responden telah menghadiri dua kali kursus pengurusan kewangan di IAB dalam pelbagai tajuk terutamanya Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah.

Jadual 4

Kursus Kewangan Yang Pernah Dihadiri

Kursus kewangan pernah dihadiri	Kekerapan	Peratus
Kursus Kewangan Sekolah Bukan PTJ	40	11.9
Kursus Kewangan Sekolah PTJ	13	3.8
Kursus eSPKB	9	2.7
Kursus PATS	9	2.7
Kursus NPQEL/NPQH	14	4.3
Kursus KKPP/KPKS	68	20.4
Kursus Audit Berteguran	5	1.6
Kursus Pengurusan dan Perakaunan	177	52.7
Jumlah	335	100.0
Bilangan Kursus Kewangan	Kekerapan	Peratus
Sekali	184	54.9
Lebih dari sekali	151	45.1
Jumlah	335	100.0

Ringkasnya, responden kajian adalah terdiri daripada hampir 50 peratus lelaki dan perempuan yang kebanyakannya adalah Guru Besar. Lebih daripada 70 peratus adalah berumur lebih 50 tahun dan kebanyakannya telah mempunyai pengalaman antara 1 hingga 3 tahun dalam menguruskan kewangan sekolah

sebagai pengurus sekolah. Namun demikian, dapatan kajian juga menunjukkan 16 peratus daripada responden tiada pengalaman langsung menguruskan kewangan sekolah. Dapatan juga menunjukkan hampir setengah daripada responden telah menghadiri lebih dua kali kursus pengurusan kewangan sekolah dalam pelbagai tajuk terutamanya Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah.

11.2 BAHAGIAN B: DAPATAN KAJIAN KUANTITATIF

Dalam Bahagian B, dapatan kajian ditinjau daripada tiga aspek utama iaitu aspek reaksi peserta terhadap kursus, aspek pengetahuan dan kefahaman sebelum dan selepas menghadiri kursus dan aspek kemahiran sendiri sebelum dan selepas menghadiri kursus.

11.2.1 Aspek Reaksi Peserta Terhadap Kursus

Objektif Kajian 1

Mengetahui maklum balas (reaksi) peserta terhadap pengendalian KPKEWS

Dalam kajian ini, sebanyak sepuluh item telah dibina untuk meninjau reaksi peserta kursus terhadap pelaksanaan kursus pengurusan kewangan sekolah. Item tersebut termasuklah pengetahuan, keterampilan dan respon pensyarah serta pegawai latihan terhadap soalan peserta. Selain itu, terdapat juga item berkaitan dengan kualiti pengajaran, kualiti kursus, kesesuaian jadual, reka bentuk, pencapaian objektif, jangka masa kursus dan makanan serta tempat tinggal semasa berkursus. Penilaian dibuat adalah berdasarkan kepada persepsi peserta kursus iaitu 1 = Sangat Tidak Puas Hati (STPH), 2 = Tidak Puas Hati (TPH), 3 = Sederhana Puas Hati (SPH), 4 = Puas Hati (PH), 5 = Sangat Puas Hati (SPH). Jadual 5 di bawah ini menunjukkan kajian dapatan skor min bagi reaksi responden terhadap kursus yang dijalankan.

Dapatan kajian menunjukkan responden sangat berpuas hati berkaitan dengan pengetahuan pensyarah (min = 4.53, SD = 0.52), keterampilan pensyarah (min = 4.59, SD = 0.52), respon pensyarah atau pegawai latihan terhadap soalan peserta (min = 4.52, SD = 0.56), kualiti pengajaran (min = 4.40, SD = 0.55) dan




kualiti kursus (min = 4.39, SD = 0.58). Keadaan ini bermaksud responden sangat berpuas hati dengan pengetahuan, keterampilan, respon, kualiti pengajaran dan kursus yang diberikan.

Jadual 5
Reaksi peserta terhadap kursus

Reaksi	Perkara	Reaksi peserta kursus (n = 335)					Min	Sisihan piawai
		1	2	3	4	5	M	SD
1	Pengetahuan pensyarah				44.8	54.3	4.53	0.52
2	Keterampilan pensyarah			1.5	38.5	60.0	4.59	0.52
3	Respon pensyarah		0.3	2.1	43.3	54.3	4.52	0.56
4	Kualiti pengajaran			3.0	54.0	43.0	4.40	0.55
5	Kualiti kursus	0.3		3.3	53.7	42.7	4.39	0.58
6	Kesesuaian jadual kursus	0.3	3.9	11.3	54.6	29.9	4.10	0.77
7	Reka bentuk		1.8	9.9	57.3	31.0	4.18	0.67
8	Pencapaian objektif kursus	0.3	0.3	6.0	58.5	34.9	4.27	0.61
9	Jangka masa kursus	0.6	10.4	14.0	51.9	23.0	3.86	0.91
10	Makanan dan tempat tinggal semasa berkursus	1.8	1.8	10.4	52.5	33.4	4.14	0.81

Selain itu, sisihan piawai mempunyai nilai yang kecil yang menggambarkan varian adalah kecil. Hal ini menunjukkan responden bersependapat dengan pernyataan yang dikemukakan. Manakala, pencapaian objektif (min = 4.27, SD = 0.61), reka bentuk (min = 4.18, SD = 0.67), kesesuaian jadual (min = 4.10, SD = 0.77) dan makanan serta tempat tinggal semasa berkursus (min 4.14, SD = 0.81) mempunyai min yang tinggi. Namun demikian, untuk tempoh jangka masa kursus dapatan menunjukkan responden kurang puas hati (min 3.86, SD = 0.91). Maklumat tersebut dapat dilihat secara ringkas melalui carta bar dalam Rajah 2 di bawah ini.



Rajah 2

Carta bar peratusan maklum balas responden terhadap pengendalian kursus pengurusan kewangan sekolah

11.2.2. Analisis aspek pengetahuan dan kefahaman sebelum dan selepas menghadiri kursus

Objektif Kajian 2

Mengenal pasti sama ada KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan kewangan sekolah.

Secara teorinya, peserta yang telah menghadiri kursus dapat menimba ilmu pengetahuan dan kefahaman mengenai bidang kemahiran yang diajar. Oleh yang demikian, dalam kajian ini keberkesanan kursus dilihat daripada aspek pengetahuan dan kefahaman dalam pengurusan kewangan sekolah sebelum dan selepas menghadiri kursus. Pengetahuan dan kefahaman tersebut pula dibahagikan kepada tiga sub kategori utama iaitu pengetahuan dan kefahaman umum, nilai serta amalan. Pengetahuan dan kefahaman umum termasuklah item berkaitan dengan dasar dan perundangan, prinsip-prinsip, penjaan strategi, integriti dan akauntabiliti, penggunaan teknologi, penilaian, pembuatan keputusan dan penyeliaan dalam pengurusan kewangan. Manakala, pengetahuan dan kefahaman mengenai nilai termasuklah nilai integriti dan akauntabiliti, nilai ketelitian dan ketekunan, nilai ketelusan dan kejujuran, nilai berhemat dan nilai keusahawanan dalam menguruskan kewangan sekolah. Ketiganya adalah berkaitan dengan pengetahuan dan kefahaman diamalkan dalam setiap proses




pengurusan kewangan sekolah iaitu dalam proses pengurusan terimaan dan pungutan wang, pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, pengurusan pembelian, pengurusan pembayaran, pengurusan penyediaan penyata kewangan, pengurusan aset kerajaan, pengurusan waran dan buku vot.

Berdasarkan Jadual 6, dapatan kajian menunjukkan bahawa peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman responden mengenai pengurusan kewangan adalah pada tahap sederhana (min 2.90 hingga skor min 3.07) ke tahap lebih tinggi dan sangat tinggi (min 3.99 hingga min 4.47). Dalam aspek pengetahuan dan kefahaman mengenai integriti dan akauntabiliti (min 4.47), membuat keputusan (min 4.35) dan membuat penyeliaan kepada pengurus bawahan (min = 4.30) menunjukkan tahap sangat tinggi selepas menghadiri kursus manakala dapatan juga menunjukkan tahap tinggi dalam prinsip-prinsip kewangan (min = 4.27), dasar dan perundangan kewangan (min = 4.16), penjanaaan strategi kewangan (min = 4.16), membuat penilaian (min = 4.16) dan penggunaan teknologi terkini dalam pengurusan kewangan (min = 3.99). Ringkasnya, dapatan menunjukkan tahap pengetahuan dan kefahaman umum sebelum dan selepas mengikuti kursus pengurusan kewangan bagi 335 responden menunjukkan keberkesanannya iaitu daripada tahap sederhana kepada tahap tinggi dan sangat tinggi.

Jadual 6

Pengetahuan dan kefahaman peserta kursus

Kod	Pengetahuan dan kefahaman	Min sebelum	Tahap	Min selepas	Tahap
P1	Dasar dan prosedur kewangan	2.90	Sederhana	4.16	Tinggi
P2	Prinsip-prinsip dan amalan terbaik	3.04	Sederhana	4.27	Tinggi
P3	Penjanaaan strategi pengurusan kewangan	2.93	Sederhana	4.16	Tinggi
P4	Integriti dan akauntabiliti	3.32	Sederhana	4.47	Sangat tinggi
P5	Penggunaan dan pendekatan teknologi terkini	2.93	Sederhana	3.99	Tinggi
P6	Penilaian dalam menguruskan kewangan	3.02	Sederhana	4.16	Tinggi
P7	Membuat keputusan	3.16	Sederhana	4.35	Sangat tinggi
P8	Membuat penyeliaan kepada pengurus bawahan	3.07	Sederhana	4.30	Sangat tinggi



Rajah 3: Pengetahuan dan kefahaman peserta kursus

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan skor min menggunakan *Ujian – t (paired)* sebelum dan selepas menghadiri kursus adalah signifikan dalam semua aspek pengetahuan dan kefahaman umum ($p < 0.05$). Dapatan menunjukkan daripada segi dasar dan peraturan kewangan, nilai $t = 35.54$, $p < 0.05$, prinsip dan amalan terbaik ($t = 32.83$, $p < 0.05$), penjanaan strategi ($t = 33.69$, $p < 0.05$), integriti dan akauntabiliti ($t = 26.12$, $p < 0.05$), penggunaan teknologi terkini ($t = 26.23$, $p < 0.05$), membuat keputusan, penilaian dalam pengurusan kewangan ($t = 30.71$, $p < 0.05$). Hal ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah ini.



Jadual 7
Ujian t pengetahuan dan kefahaman umum


Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Dasar dan peraturan kewangan	Sebelum	2.90	335	.760	35.54	334	.000
	Selepas	4.16	335	.582			
Prinsip dan amalan terbaik	Sebelum	3.04	335	.773	32.83	334	.000
	Selepas	4.27	335	.596			
Penjanaan strategi	Sebelum	2.93	335	.756	33.69	334	.000
	Selepas	4.16	335	.601			
Integriti dan akauntabiliti	Sebelum	3.32	335	.877	26.12	334	.000
	Selepas	4.47	335	.598			
Penggunaan teknologi terkini	Sebelum	2.93	335	.871	26.23	334	.000
	Selepas	3.99	335	.722			
Penilaian dalam mengurus kewangan	Sebelum	3.02	335	.795	30.71	334	.000
	Selepas	4.16	335	.629			
Membuat keputusan dalam pengurusan kewangan	Sebelum	3.16	335	.838	30.577	334	.000
	Selepas	4.35	335	.619			
Membuat penyeliaan	Sebelum	3.07	335	.835	31.044	334	.000
	Selepas	4.30	335	.625			

Di samping itu, dapatan kajian menunjukkan peningkatan dalam tahap pengetahuan dan kefahaman responden mengenai nilai-nilai dalam pengurusan kewangan. Berdasarkan Jadual 8, daripada aspek nilai integriti dan akauntabiliti menunjukkan tahap sederhana (min = 3.47) kepada tahap sangat tinggi (min = 4.53) sebelum dan selepas kursus.

Jadual 8

Nilai-nilai profesional dalam pengurusan kewangan

Kod	Nilai-nilai dalam pengurusan kewangan	Sebelum kursus	Tahap	Selepas kursus	Tahap
N1	Mempunyai integriti dan akauntabiliti	3.47	Sederhana	4.53	Sangat tinggi
N2	Mempunyai ketelitian dan ketekunan	3.36	Sederhana	4.47	Sangat tinggi
N3	Mempunyai ketelusan dan kejujuran	3.71	Tinggi	4.61	Sangat tinggi
N4	Membelanjakan harta awam dengan lebih berhemat	3.59	Tinggi	4.57	Sangat tinggi
N5	Mempunyai nilai-nilai keusahawanan	3.22	Sederhana	4.29	Tinggi



Rajah 4: Nilai-nilai professional dalam pengurusan kewangan



Nilai ketelitian dan ketekunan, daripada tahap sederhana (min = 3.36) kepada tahap sangat tinggi (min = 4.47). Bagi nilai ketelusan dan kejujuran, dapatan menunjukkan responden mempunyai tahap tinggi (min 3.61) meningkat kepada sangat tinggi (min = 4.71) sebelum dan selepas kursus. Hal yang sama juga dalam aspek nilai perbelanjaan berhemat, sebelum kursus (min = 3.59) dan selepas kursus (min = 4.57). Manakala, aspek nilai keusahawanan dalam pengurusan kewangan juga menunjukkan peningkatan daripada sederhana (min = 3.22) kepada tahap tinggi (min = 3.47).

Selain itu dalam Jadual 9, kajian juga menunjukkan pengetahuan dan kefahaman nilai responden adalah berbeza secara signifikan sebelum dan selepas mengikuti kursus. Kajian menunjukkan dari nilai t bagi mempunyai nilai integriti dan akauntabiliti sebelum dan selepas kursus ($t = 26.06$, $p < 0.05$), mempunyai ketelitian dan ketekunan ($t = 28.74$, $p < 0.05$), mempunyai ketelusan dan kejujuran ($t = 21.12$, $p < 0.05$), berhemat ($t = 23.45$, $p < 0.05$) dan mempunyai nilai-nilai keusahawanan ($t = 25.97$, $p < 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman nilai responden sebelum dan selepas kursus mempunyai perbezaan secara signifikan.

Jadual 9
Ujian t pengetahuan dan kefahaman dalam nilai


Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Mempunyai integriti dan akauntabiliti	Sebelum	3.47	335	.871	26.06	334	.000
	Selepas	4.53	335	.593			
Mempunyai ketelitian dan ketekunan	Sebelum	3.36	335	.835	28.74	334	.000
	Selepas	4.47	335	.608			
Mempunyai ketelusan dan kejujuran	Sebelum	3.71	335	.911	21.12	334	.000
	Selepas	4.61	335	.562			
Berhemat	Sebelum	3.59	335	.870	23.45	334	.000
	Selepas	4.57	335	.580			
Nilai-nilai keusahawanan	Sebelum	3.22	335	.841	25.97	334	.000
	Selepas	4.29	335	.678			

Selain itu, kajian juga menunjukkan peningkatan tahap pengetahuan dan kefahaman responden melalui tindakan-tindakan pengurus sekolah dalam proses-proses pengurusan kewangan. Berdasarkan kepada Jadual 10 di bawah ini, secara keseluruhannya amalan pengetahuan dan kefahaman pengurus dalam proses pengurusan kewangan berada pada tahap sederhana (min 2.09 hingga min 3.34) kepada tinggi dan sangat tinggi (min 3.99 hingga min 4.48).

Dalam proses pengurusan pembelian dan proses pembayaran, dapatan menunjukkan tahap responden adalah pada tahap sederhana sebelum kursus meningkat ke tahap sangat tinggi selepas menghadiri kursus. Begitu juga dengan pengurusan terimaan dan pungutan wang, pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, pengurusan penyediaan penyata kewangan. Manakala, bagi pengurusan aset kerajaan dan pengurusan buku vot adalah pada tahap sederhana sebelum kursus meningkat kepada tahap tinggi selepas kursus. Keadaan ini menunjukkan terdapat keberkesanan dalam menjalankan kursus pengurusan kewangan sekolah yang dianjurkan oleh Institut Aminuddin Baki.

Jadual 10
Amalan dalam proses pengurusan kewangan

Kod	Proses pengurusan kewangan	Min Sebelum	Tahap	Min Selepas	Tahap
AK1	Pengurusan terimaan dan pungutan wang	3.30	Sederhana	4.42	Sangat tinggi
AK2	Pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit	3.24	Sederhana	4.44	Sangat tinggi
AK3	Pengurusan pembelian	3.34	Sederhana	4.48	Sangat tinggi
AK4	Pengurusan pembayaran	3.33	Sederhana	4.48	Sangat tinggi
AK5	Pengurusan penyediaan penyata kewangan	3.10	Sederhana	4.33	Sangat tinggi
AK6	Pengurusan aset kerajaan	3.05	Sederhana	4.19	Tinggi
AK7	Pengurusan waran dan buku vot	2.93	Sederhana	3.99	Tinggi



Rajah 5: Amalan dalam proses pengurusan kewangan

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan skor min menggunakan *Ujian – t (paired)* sebelum dan selepas menghadiri kursus adalah signifikan dalam proses semua aspek proses pengetahuan dan kefahaman pengurusan kewangan. Dalam aspek pengetahuan dan kefahaman responden mengenai pengurusan terimaan dan pungutan wang adalah $t = 27.82$, $p < 0.05$, pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit ($t = 28.95$, $p < 0.05$), pengurusan pembelian ($t = 27.96$, $p < 0.05$), pengurusan pembayaran ($t = 28.79$, $p < 0.05$), pengurusan penyediaan penyata kewangan ($t = 29.44$, $p < 0.05$), pengurusan aset kerajaan ($t = 29.65$, $p < 0.05$) dan pengurusan ABM dan buku vot ($t = 26.38$, $p < 0.05$). Hal ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 11 di bawah ini.

Jadual 11

Ujian t pengetahuan dan kefahaman dalam proses pengurusan kewangan

Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Pengurusan terimaan dan pungutan wang	Sebelum	3.30	335	.858	27.82	334	.000
	Selepas	4.42	335	.603			
Pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit	Sebelum	3.24	335	.862	28.95	334	.000
	Selepas	4.44	335	.611			
Pengurusan pembelian	Sebelum	3.34	335	.846	27.96	334	.000
	Sebelum	4.48	335	.608			
Pengurusan pembayaran	Sebelum	3.33	335	.855	28.79	334	.000
	Selepas	4.48	335	.593			
Pengurusan penyediaan penyata kewangan	Sebelum	3.10	335	.884	29.44	334	.000
	Selepas	4.33	335	.704			
Pengurusan aset kerajaan	Sebelum	3.05	334	.835	29.65	333	.000
	Selepas	4.19	334	.703			
Pengurusan ABM dan buku vot	Sebelum	2.93	335	.939	26.38	334	.000
	Selepas	3.99	335	.948			

11.3 Analisis aspek kemahiran sendiri sebelum dan selepas menghadiri kursus

Objektif Kajian 3

Mengenal pasti sama ada KPKEWS dapat membantu pengurus sekolah meningkatkan kemahiran sendiri dalam amalan pengurusan kewangan sekolah

Selain daripada mendapat ilmu pengetahuan dan kefahaman, peserta kursus juga didedahkan dengan “hands-on” bagi membolehkan peserta kursus memahirkan diri




selepas mengikuti kursus kewangan sekolah. Oleh yang demikian, dalam kajian ini juga mengukur tahap kemahiran sendiri dalam mengurus kewangan sebelum dan selepas kursus. Aspek kemahiran sendiri juga dibahagikan kepada tiga subutama iaitu umum, nilai dan amalannya.

Jadual 12

Tahap kemahiran sendiri sebelum dan selepas kursus

Kod	Aspek-aspek kemahiran sendiri	Min sebelum	Tahap	Min selepas	Tahap
P1	Dasar, perundangan dan peraturan	3.10	Sederhana	4.26	Tinggi
P2	Prinsip-prinsip dan amalan terbaik	3.21	Sederhana	4.39	Sangat tinggi
P3	Penjanaan strategi	3.12	Sederhana	4.27	Tinggi
P4	Integriti dan akauntabiliti	3.48	Sederhana	4.50	Sangat tinggi
P5	Penggunaan teknologi terkini	3.05	Sederhana	4.10	Tinggi
P6	Membuat penilaian	3.17	Sederhana	4.31	Sangat tinggi
P7	Membuat keputusan	3.19	Sederhana	4.31	Sangat tinggi
P8	Membuat penyeliaan	3.20	Sederhana	4.31	Sangat tinggi



Rajah 6: Tahap kemahiran sendiri sebelum dan selepas kursus

Berdasarkan kepada Jadual 12, dapatan menunjukkan secara keseluruhannya tahap kemahiran sendiri sebelum kursus adalah pada tahap sederhana (min 3.05 hingga min 3.48). Walau bagaimanapun selepas menghadiri kursus tahap kemahiran sendiri responden telah meningkat kepada tinggi dan sangat tinggi (min 4.10 hingga min 4.50). Peningkatan tahap kemahiran sendiri daripada sederhana kepada tahap sangat tinggi adalah berkaitan dengan prinsip-prinsip kewangan, integriti dan akauntabiliti, penilaian kewangan, membuat keputusan dan membuat penyeliaan berkaitan pengurusan kewangan sekolah.

Manakala, berkaitan dengan dasar dan perundangan, penjana strategi dan penggunaan teknologi dalam pengurusan kewangan menunjukkan tahap sederhana kepada tahap tinggi. Secara ringkasnya, dapatan menunjukkan kursus kewangan yang dijalankan telah menunjukkan keberkesanan kemahiran sendiri daripada tahap sederhana ke tahap yang lebih tinggi sebelum dan selepas berkursus.

Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan skor min menggunakan *Ujian - t (paired)* sebelum dan selepas menghadiri kursus adalah signifikan dalam semua aspek kemahiran sendiri umum ($p < 0.05$). Kajian menunjukkan dari segi aspek dasar dan peraturan kewangan ($t = 29.85, p < 0.05$),



prinsip-prinsip dan amalan terbaik ($t = 31.65$, $p < 0.05$), penjanaaan strategi ($t = 32.90$, $p < 0.05$), integriti dan akauntabiliti ($t = 25.38$, $p < 0.05$), penggunaan teknologi terkini ($t = 27.60$, $p < 0.05$), membuat keputusan, penilaian dalam pengurusan kewangan ($t = 30.90$, $p < 0.05$) juga dengan membuat keputusan dan membuat penyeliaan dalam pengurusan kewangan, masing masing mempunyai nilai $t = 29.85$ dan $t = 31.65$. Hal ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 13 di bawah ini.


Jadual 13
Ujian t pengetahuan dan kefahaman umum

Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Dasar dan peraturan kewangan	Sebelum	3.10	335	.786	29.85	334	.000
	Selepas	4.26	335	.621			.
Prinsip dan amalan terbaik	Sebelum	3.21	335	.792	31.65	334	.000
	Selepas	4.39	335	.618			
Penjanaaan strategi	Sebelum	3.12	335	.803	32.90	334	.000
	Selepas	4.27	335	.617			
Integriti dan akauntabiliti	Sebelum	3.48	335	.861	25.38	334	.000
	Selepas	4.50	335	.578			
Penggunaan teknologi terkini	Sebelum	3.05	335	.828	27.60	334	.000
	Selepas	4.10	335	.730			
Penilaian dalam mengurus kewangan	Sebelum	3.17	335	.789	30.90	334	.000
	Selepas	4.31	335	.624			
Membuat keputusan dalam pengurusan kewangan	Sebelum	3.05	335	.838	29.85	334	.000
	Selepas	4.10	335	.619			
Membuat penyeliaan	Sebelum	3.17	335	.835	31.65	334	.000
	Selepas	4.31	335	.835			

Jadual 14

Tahap kemahiran mengamalkan nilai-nilai dalam pengurusan kewangan

Kod	Kemahiran mengamalkan nilai-nilai	Min sebelum	Tahap	Min selepas	Tahap
N1	Mempunyai integriti dan akauntabiliti	3.44	Sederhana	4.52	Sangat tinggi
N2	Mempunyai ketelitian dan ketekunan	3.39	Sederhana	4.53	Sangat tinggi
N3	Mempunyai ketelusan dan kejujuran.	3.61	Tinggi	4.61	Sangat tinggi
N4	Membelanjakan harta awam dengan lebih berhemat	3.51	Tinggi	4.57	Sangat tinggi
N5	Mempunyai nilai-nilai keusahawanan	3.28	Sederhana	4.31	Sangat tinggi



Rajah 7: Tahap kemahiran sendiri sebelum dan selepas kursus



Selain itu, dapatan kajian dalam Jadual 14 pula menunjukkan tahap kemahiran sendiri untuk mengamalkan nilai-nilai dalam pengurusan kewangan dan akauntabiliti, ketelitian dan ketekunan, ketelusan dan kejujuran, belanja berhemat dan pemikiran keusahawanan, kajian menunjukkan terdapat peningkatan kemahiran. Dalam nilai integriti dan akauntabiliti telah meningkat daripada sederhana (min = 3.44) kepada tahap sangat tinggi (min = 4.52) sebelum dan selepas kursus.

Begitu juga dalam nilai ketelitian dan ketekunan (min = 3.39 meningkat kepada min = 4.53) dan kesedaran tentang nilai keusahawanan (min = 3.28 meningkat kepada min = 4.31). Manakala bagi nilai ketelusan dan kejujuran, dapatan kajian menunjukkan responden telah mempunyai tahap tinggi dan meningkat kepada tahap sangat tinggi (min = 3.61 meningkat kepada min 4.61). Begitu juga dalam nilai hemat berbelanja juga meningkat (min = 3.51 meningkat kepada min = 4.57).

Manakala, Jadual 15 nilai responden adalah berbeza secara signifikan sebelum dan selepas mengikuti kursus. Kajian menunjukkan dari nilai t bagi mempunyai nilai integriti dan akauntabiliti sebelum dan selepas kursus ($t = 28.68$, $p < 0.05$), mempunyai ketelitian dan ketekunan ($t = 32.19$, $p < 0.05$), mempunyai ketelusan dan kejujuran ($t = 24.41$, $p < 0.05$), berhemat ($t = 25.95$, $p < 0.05$) dan mempunyai nilai-nilai keusahawanan ($t = 26.93$, $p < 0.05$). Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan kefahaman nilai responden sebelum dan selepas kursus mempunyai perbezaan yang signifikan.

Jadual 15

Ujian t pengetahuan dan kefahaman dalam nilai

Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Mempunyai integriti dan akauntabiliti	Sebelum	3.44	335	.845	28.68	334	.000
	Selepas	4.52	335	.588			
Mempunyai ketelitian dan ketekunan	Sebelum	3.39	335	.807	32.19	334	.000
	Selepas	4.53	335	.578			
Mempunyai ketelusan dan kejujuran	Sebelum	3.61	335	.892	24.41	334	.000
	Selepas	4.61	335	.557			
Berhemat	Sebelum	3.51	335	.861	25.95	334	.000
	Selepas	4.57	335	.569			
Nilai-nilai keusahawanan	Sebelum	3.28	335	.791	26.93	334	.000
	Selepas	4.31	335	.665			


Manakala, dalam amalan proses pengurusan kewangan sekolah, dapatan kajian juga menunjukkan kesemua item mempunyai peningkatan tahap kemahiran sendiri daripada sederhana (min = 2.93 hingga min = 3.34) sebelum kursus kepada tahap lebih tinggi selepas kursus (min 3.99 hingga 4.48) (lihat Jadual 16). Proses pengurusan kewangan tersebut termasuklah proses pengurusan pembelian dan proses pembayaran, pengurusan terimaan dan pungutan wang, pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit, pengurusan penyediaan penyata kewangan, pengurusan aset kerajaan dan pengurusan buku vot. Walau bagaimanapun secara relatif dalam semua proses pengurusan kewangan, tahap kemahiran dalam proses pengurusan buku vot menunjukkan nilai skor min adalah lebih rendah sebelum dan selepas kursus.



Jadual 16

Tahap kemahiran mengamalkan proses-proses dalam pengurusan kewangan

Kod	Pengurusan Kewangan	Min Sebelum	Tahap	Min selepas	Tahap
AK1	Pengurusan terimaan dan pungutan wang	3.30	Sederhana	4.42	Tinggi
AK2	Pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit	3.24	Sederhana	4.44	Tinggi
AK3	Pengurusan pembelian	3.34	Sederhana	4.48	Tinggi
AK4	Pengurusan pembayaran	3.33	Sederhana	4.48	Tinggi
AK5	Pengurusan penyediaan penyata kewangan	3.10	Sederhana	4.33	Tinggi
AK6	Pengurusan aset kerajaan	3.05	Sederhana	4.19	Tinggi
AK7	Pengurusan waran dan buku vot	2.93	Sederhana	3.99	Tinggi



Rajah 8: Tahap kemahiran sendiri nilai

Dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan skor min menggunakan *Ujian – t (paired)* sebelum dan selepas menghadiri kursus adalah signifikan dalam proses semua aspek proses pengetahuan dan kefahaman pengurusan kewangan. Dalam aspek pengetahuan dan kefahaman responden mengenai pengurusan terimaan dan pungutan wang adalah $t = 30.39$, $p < 0.05$, pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit ($t = 30.08$, $p < 0.05$), pengurusan pembelian ($t = 27.58$, $p < 0.05$), pengurusan pembayaran ($t = 27.66$, $p < 0.05$), pengurusan penyediaan penyata kewangan ($t = 30.26$, $p < 0.05$), pengurusan aset kerajaan ($t = 30.01$, $p < 0.05$) dan pengurusan ABM dan buku vot ($t = 27.04$, $p < 0.05$). Hal ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 17 di bawah ini.

Jadual 17

Ujian t pengetahuan dan kefahaman dalam proses pengurusan kewangan

Aspek	Keadaan	Min	N	SD	t	df	Sig.
Pengurusan terimaan dan pungutan wang	Sebelum	3.26	335	.828	30.39	334	.000
	Selepas	4.49	335	.609			
Pengurusan buku tunai dan panjar wang runcit	Sebelum	3.24	335	.856	30.08	334	.000
	Selepas	4.45	335	.622			
Pengurusan pembelian	Sebelum	3.36	335	.850	27.58	334	.000
	Selepas	4.49	335	.609			
Pengurusan pembayaran	Sebelum	3.36	335	.875	27.66	334	.000
	Selepas	4.51	335	.604			
Pengurusan penyediaan penyata kewangan	Sebelum	3.15	335	.846	30.26	334	.000
	Selepas	4.32	335	.686			
Pengurusan aset kerajaan	Sebelum	3.07	335	.825	30.01	333	.000
	Selepas	4.23	335	.679			
Pengurusan ABM dan buku vot	Sebelum	2.96	335	.893	27.04	334	.000
	Selepas	4.04	335	.900			



Secara keseluruhan, dapatan kajian juga menunjukkan perbezaan skor min menggunakan *Ujian – t (paired)* sebelum dan selepas menghadiri kursus adalah signifikan di bawah nilai $p < 0.05$. Hal ini dapat ditunjukkan dalam aspek pengetahuan dan kefahaman ($t = 37.22$, $p < 0.05$) dan aspek kemahiran sendiri ($t = 36.68$, $p < 0.05$) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 18 di bawah ini. Keadaan ini menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kefahaman peserta sebelum dan selepas kursus mempunyai perbezaan yang signifikan. Begitu juga halnya dengan tahap kemahiran sendiri peserta dalam pengurusan kewangan sekolah sebelum dan selepas menghadiri kursus.

Jadual 18

*Ujian-t perbezaan sebelum dan selepas menghadiri
kursus pengurusan kewangan sekolah*

Aspek	Keadaan	Min	SD	n	t	df	Sig.
Pengetahuan dan kefahaman	Sebelum	3.23	0.67	335	37.22	334	0.00
	Selepas	4.35	0.47	335			
Kemahiran sendiri	Sebelum	3.27	0.69	335	36.68	334	0.00
	Selepas	4.39	0.49	335			


BAHAGIAN C : ANALISIS SOALAN TERBUKA (*open-ended*)

Objektif Kajian 4

Mengenal pasti bagaimana KPKEWS dapat memberi faedah kepada pengurus sekolah dalam pengurusan kewangan sekolah

Berdasarkan maklum balas melalui soalan terbuka, dapatan menunjukkan kursus pengurusan kewangan telah dapat membantu peserta meningkatkan kemahiran sendiri dalam pengurusan kewangan. Berdasarkan Jadual 19, daripada 335 responden yang telah memberi maklumbalas, 144 responden (48.0 peratus) telah menyatakan lebih berkeyakinan, 98 responden (32.7 peratus) lebih berpengetahuan dan 41 responden (13.7 peratus) lebih berkemahiran. Selebihnya, 7 responden

(2.3 peratus) lebih bersistematik, 4 responden (1.3 peratus) lebih berhemat dan 6 responden (2.0 peratus) lain-lain kemahiran. Hal ini telah menunjukkan bahawa kursus pengurusan yang dijalankan mempunyai keberkesanannya dan impak yang positif kepada peserta kursus kerana lebih yakin, lebih berpengetahuan, lebih berkemahiran, lebih bersistematik dan lebih berhemat.



Rajah 9: *Faedah menghadiri kursus*

Jadual 19
Faedah Kursus

Faedah	Kekerapan	Peratus
Berkeyakinan	144	48.0
Berpengetahuan	98	32.7
Berkemahiran	41	13.7
Bersistematik	7	2.3
Lain-lain	6	2.0
Berhemat	4	1.3
Jumlah	300	100.0



Objektif Kajian 5

Mengenal pasti bagaimana KPKEWS dapat meningkatkan kemahiran pengurus sekolah mengurus kewangan di sekolah

Selepas menghadiri kursus, peserta kursus mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan tersebut di sekolah. Kajian mendapati bahawa kursus pengurusan kewangan telah dapat membantu pengurus sekolah untuk mempunyai kemahiran menyelia, kemahiran mengawal, kemahiran membimbing, kemahiran menyemak dan kemahiran bekerjasama serta lain-lain kemahiran dalam mengurus kewangan sekolah.

Berdasarkan kepada Jadual 20, daripada 295 responden yang telah memberi maklum balas, selepas menghadiri kursus, hampir 99 responden (33.6 peratus) menyatakan mempunyai kemahiran menyelia, 93 responden (31.3 peratus) mempunyai kemahiran mengawal, 45 responden (15.2 peratus) mempunyai kemahiran membimbing, 24 responden (8.1 peratus) mempunyai kemahiran menyemak, 11 orang (3.7 peratus) mempunyai kemahiran bekerjasama dan 23 responden (7.8 peratus) mempunyai lain-lain kemahiran. Hal ini menunjukkan keberkesanan kursus kewangan yang dijalankan dengan munculnya kemahiran-kemahiran baru selepas menghadiri kursus. Dapatan ini dapat ditunjukkan secara ringkas dalam carta pai di Rajah 10.



Rajah 10: Aplikasi pengetahuan dan kemahiran pengurusan kewangan sekolah

Jadual 20
Kemahiran pengurus sekolah


Kemahiran	Maklumbalas	Peratus
Kemahiran menyelia	99	33.6
Kemahiran mengawal	93	31.3
Kemahiran membimbing	45	15.2
Kemahiran menyemak	24	8.1
Lain-lain	23	7.8
Kemahiran bekerjasama	11	3.7
JUMLAH	295	100.0



Objektif Kajian 6

Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan serta cadangan penambahbaikan KPKEWS


Kajian ini juga bertujuan untuk membuat penambahbaikan kursus yang dijalankan. Berdasarkan 218 orang responden yang memberi maklum balas yang menyatakan kelemahan dan kekuatan kursus ini. Dapatan kajian menunjukkan 126 responden menyatakan kekuatan kursus ini adalah berkaitan dengan kandungan kursus yang menepati (57.8 peratus), 69 orang (31.6 peratus) tenaga pengajar yang berkemahiran, 18 orang (8.3 peratus) kelebihan latih amal dalam pengajaran, 4 orang (1.8 peratus) menyatakan bahan kursus yang membantu dan 1 orang (0.5 peratus) menyatakan tempat yang selesa. Kekuatan kursus juga dapat ditunjukkan melalui carta pai dalam Rajah 11.



Rajah 11: Kekuatan kursus

Jadual 21		
<i>Kekuatan kursus</i>		
Tema	Bilangan	Peratus
Kandungan menepati	126	57.8
Tenaga pengajar berkemahiran	69	31.6
Latih amal amat berguna	18	8.3
Bahan kursus membantu	4	1.8
Tempat yang selesa	1	0.5
JUMLAH	218	100.0

Selain itu, daripada 176 responden yang memberi maklum balas mengenai kelemahan kursus, 92 orang (52.3 peratus) responden menyatakan kelemahan adalah disebabkan oleh tempoh masa yang singkat, 53 orang (30.1 peratus) oleh latih amal yang tidak mencukupi, 14 orang (8.0 peratus) oleh kandungan yang padat, 8 orang (4.6 peratus) oleh tenaga pengajar yang kurang berpengalaman, 4 orang (2.3 peratus) kerana tiada nota edaran dan 5 orang (2.8 peratus) adalah lain-lain (lihat Jadual 22). Hal ini menunjukkan kelemahan utama kursus adalah disebabkan oleh tempoh masa yang singkat, latih amal yang tidak mencukupi dan kandungan kursus padat. Secara ringkasnya dapat ditunjukkan melalui Rajah 12.




Rajah 12: Kelemahan kursus

Jadual 22
Kelemahan kursus

Tema	Bilangan	Peratus
Tempoh masa singkat	92	52.3
Latih amal tidak cukup	53	30.1
Kandungan yang padat	14	8.0
Tenaga pengajar kurang pengalaman	8	4.6
Lain-lain	5	2.8
Tiada nota edaran	4	2.3
JUMLAH	176	100.0

Selain itu, dapatan kajian mendapati antara cadangan responden untuk penambahbaikan adalah seperti dalam Jadual 23. Seramai 261 responden telah memberi maklum balas, 95 orang (36.4 peratus) adalah dengan menambah tempoh masa kursus, 54 orang (20.6 peratus) adalah dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian, 49 orang (18.8 peratus) dengan mengadakan kursus lanjutan, 47 orang (18.1 peratus) dengan memperbanyakkan latih amal dan 16 orang (6.1 peratus) adalah lain-lain. Keadaan ini bermakna, salah satu cadangan penambahbaikan yang utama adalah dengan memanjangkan tempoh masa kursus dan memperbanyakkan latih amal dalam penyampaian kuliah.

Ringkasnya, kekuatan kursus kewangan adalah berdasarkan kandungan kursus sangat menepati, tenaga pengajar yang berkemahiran dan kelebihan menggunakan latih amal (*hands on*) sebagai kaedah pengajaran sangat membantu peserta kursus. Namun demikian, tempoh masa yang singkat dan latih amal yang tidak mencukupi serta kandungan yang padat menjadi punca kelemahan pengendalian kursus. Oleh yang demikian antara cadangan penambahbaikan adalah dengan memanjangkan tempoh masa kursus dan memperbanyakkan latih amal dalam pengajaran.



Rajah 13: Cadangan penambahbaikan kursus



Jadual 23

Cadangan penambahbaikan kursus

Tema	Bilangan	Peratus
Menambah tempoh masa	95	36.4
Pelbagaikan kaedah penyampaian	54	20.6
Kursus lanjutan	49	18.8
Perbanyakkan latih amal	47	18.1
Lain-lain	16	6.1
JUMLAH	261	100.0

Objektif Kajian 7

Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah.

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 24, seramai 162 responden telah memberi maklum balas, 49 orang (30.3 peratus) menyatakan pentadbir kurang mahir dan 37 orang (22.8 peratus) menyatakan pembantu tadbir (PT) kurang mahir. Keadaan ini bermaksud hampir 53 peratus responden menyatakan kurang kemahiran menyebabkan pengurusan kewangan bermasalah. Di samping itu juga, 46 orang (28.4 peratus) menyatakan masalah pengurusan kewangan adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan, 13 orang (8.0 peratus) oleh peruntukan lewat, 10 orang (6.2 peratus) oleh kurang kaki tangan, 10 orang (6.2 peratus) audit kuiri bermasalah, 10 orang (6.2 peratus) kekangan masa dan 6 orang (3.7 peratus) penyeliaan. Selebihnya 27 orang (16.7 peratus) menghadapi lain-lain masalah. Hal ini menunjukkan bahawa faktor utama yang menjadikan masalah dalam pengurusan kewangan adalah kurang mahir dan kurang berpengetahuan.



Rajah 14: Masalah-masalah pengurusan kewangan

Jadual 24
Masalah dalam pengurusan kewangan sekolah


Tema	Bilangan	Peratus
Kurang pengetahuan	46	28.4
Pentadbir kurang mahir	49	30.3
PT kurang mahir	37	22.8
Lain-lain	27	16.7
Peruntukan kurang/lambat	13	8.0
Kurang kakitangan sokongan	10	6.2
Masalah kuiiri Audit	10	6.2
Kekangan masa	10	6.2
Penyeliaan	6	3.7
JUMLAH	162	100.0



Objektif Kajian 8

Mengenal pasti keperluan-keperluan kursus-kursus pengurusan kewangan sekolah

Dapatan kajian menunjukkan 129 responden (19 peratus) menyatakan Kursus Kewangan Sekolah Bukan PTJ atau Kursus Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah merupakan kursus yang paling diperlukan. Ini diikuti Kursus Kewangan Juruaudit Dalam iaitu sebanyak 109 responden (16 peratus) dan 97 responden (14 peratus) Kursus Audit Berteguran.



Rajah 15: Analisis keperluan kursus kewangan

Seterusnya, kursus-kursus berimpak tinggi yang mula diperkenalkan pada tahun 2009 juga memperoleh respon yang serupa. Antaranya Kursus Penyata Akaun Tahunan Sekolah (PATS) sebanyak 76 orang (11 peratus) dan Kursus eSPKB yang turut mencatatkan peratusan yang sama. Selain itu, Kursus Kewangan Sekolah PTJ pula memperoleh 63 orang (9 peratus) dan Kursus Buku Vot 58 orang (9 peratus). Peratusan yang kecil ini berkemungkinan disebabkan oleh bilangan sekolah PTJ di Malaysia adalah terhad berbanding sekolah bukan PTJ. Kursus ini terbuka hanya kepada pengurus-pengurus sekolah bertaraf Pusat Tanggungjawab (PTJ). Dapatan ini selari dengan Kursus Buku VOT iaitu 58 orang (9 peratus) responden menyatakan perlunya kursus ini. Begitu juga bagi Kursus Kewangan Asrama, hanya 37 orang (5 peratus) menyatakan perlunya kursus tersebut. Keadaan ini disebabkan bilangan sekolah berasrama adalah terhad. Walau bagaimanapun kursus-kursus ini mempunyai peratusan keperluannya. Keadaan yang sama juga



bagi Kursus kewangan dalam Kursus KKPP/KPKS dan Kursus NPQEL/NPQH masing-masing 16 orang (2 peratus) responden sahaja memandangkan kursus ini merupakan sebahagian daripada pengisian kandungan kursus yang dijalankan.

12.0 RUMUSAN DAN CADANGAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan terdapat keberkesanan dalam pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri sebelum dan selepas peserta menghadiri kursus. Hal ini dapat ditunjukkan melalui reaksi, peningkatan pengetahuan dan kefahaman serta peningkatan kemahiran sendiri yang ditunjukkan dalam aspek-aspek umum seperti dasar dan prosedur kewangan, aspek nilai dan aspek proses pengurusan kewangan itu sendiri. Selain itu, dapatan kajian juga mendapati wujud perbezaan yang signifikan dalam peningkatan pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran sendiri tersebut.

Kajian ini juga disokong oleh dapatan kajian melalui soalan terbuka. Dapatan kajian menunjukkan KPKEWS ini dapat membantu responden dalam menguruskan kewangan sekolah, antaranya dengan lebih berkeyakinan, lebih berpengetahuan, lebih berkemahiran, lebih berhemat dan lebih bersistematik. Di samping itu juga muncul kemahiran baharu seperti kemahiran menyelia, kemahiran mengawal, kemahiran membimbing, kemahiran menyemak, kemahiran bekerjasama dan lain-lain lagi.

Dapatan kajian menunjukkan antara kekuatan kandungan kursus adalah menepati, tenaga pengajar yang berkemahiran dan latih amal yang amat berguna. Manakala, kelemahan-kelemahan kursus yang dikenal pasti adalah tempoh masa kursus yang singkat, kandungan kursus padat dan latih amal yang kurang mencukupi. Justeru beberapa penambahbaikan yang dicadangkan oleh responden adalah dengan memanjangkan tempoh latihan dan memberikan lebih latih amal kepada peserta.

Selain itu, kajian juga mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengurus sekolah dalam menguruskan kewangan sekolah. Antara masalah



utamanya ialah kurang pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan pembantu tadbir dan pentadbir sendiri. Begitu juga dengan peruntukan yang lambat, bilangan staf sokongan yang kurang di sekolah, kekangan masa, *kuiiri audit* dan penyeliaan yang kurang mantap.

Akhirnya, dapatan kajian juga menunjukkan bahawa antara kursus-kursus kewangan yang utama diperlukan oleh responden adalah kursus pengurusan kewangan dan perakaunan sekolah, kursus untuk juruaudit dalaman, kursus audit berteguran dan kursus penyata akaun sekolah (PATS). Keadan ini menunjukkan bahawa keperluan kursus kewangan lebih tertumpu pada pengetahuan dan kemahiran untuk melakukan penyeliaan dan penyemakan akaun sekolah. Selain itu, kursus-kursus lain seperti kursus mengenai pengurusan buku vot dan kursus pengurusan kewangan asrama.

Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa cadangan dikemukakan bertujuan untuk memastikan pengurusan kewangan sekolah adalah pada tahap yang cemerlang. Antaranya adalah:

- i. KPKEWS ini perlu diteruskan kerana telah menunjukkan keberkesanan kepada pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran kepada peserta.
- ii. Beberapa penambahbaikan harus dilakukan seperti menambahkan tempoh masa kursus dan memperbanyakkan latihan amal kepada peserta.
- iii. Memastikan pengurus sekolah dan pembantu tadbir perlu mendapat pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah sebelum dihantar bertugas di sekolah. Keadaan ini bagi mengelakkan pentadbir sekolah dan pembantu tadbir kewangan sekolah tidak melakukan kesilapan merekod akaun.
- iv. Memperbanyakkan kemahiran untuk membuat penyeliaan dan penyemakan proses pengurusan kewangan selain memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan.
- v. Mengadakan runding cara pengurusan kewangan di sekolah bagi peserta-peserta yang telah menghadiri kursus bertujuan melihat

- “*outcomes*” dan meneliti proses tindak ikut untuk sesuatu tempoh selepas menghadiri kursus.
- vi. Memberi peluang kepada juruaudit dalam sekolah yang terdiri daripada guru yang dilantik untuk berkursus di IAB agar mereka dapat membantu sekolah membuat pengauditan dengan lebih teliti dan lebih tekun sesuai dengan peranannya.
 - vii. Memastikan bahawa PT atau KPT di sekolah yang mahir dan berpengalaman dalam pengurusan kewangan sekolah sebelum ditugaskan di sekolah dan bilangannya adalah mencukupi.
 - viii. Memastikan PT dan KPT yang telah mahir dan berpengalaman dalam pengurusan kewangan kekal di KPM memandangkan jawatan ini adalah jawatan guna sama di KPM. Tujuannya bagi mengelakkan KPT dan PT kewangan yang mahir dalam pengurusan kewangan bertugas di luar KPM.

13.0 PENUTUP

Kesimpulannya, kajian keberkesanan pengurusan kewangan sekolah ini perlu dijalankan dengan lebih komprehensif supaya dapatan kajian boleh digunakan untuk penambahbaikan kursus akan datang. Selain itu, kajian keberkesanan ini adalah merupakan salah satu ukuran kepada sejumlah wang yang telah dibelanjakan atau “*value of money*” daripada sebahagian usaha-usaha yang telah dilakukan. Dapatan kajian ini juga diharapkan menjadi titik tolak kepada usaha-usaha penambahbaikan pelaksanaan kursus-kursus kewangan di IAB secara berterusan bagi memberi latihan yang lebih berkesan dan bermakna kepada semua pemimpin sekolah.



RUJUKAN

- Azizah Hasan. (2004). *Pengurusan kewangan sekolah: Kajian kes di sebuah sekolah menengah harian biasa bertaraf PTJ di daerah Kuala Terengganu*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azman Abdul Rahman. (2001). *Pengurusan kewangan di dua buah Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) di daerah Kulim: Satu kajian kes*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bahagian Kewangan, Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Bajet Persekutuan 2003- 2007 Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Bahagian Audit Sekolah. (2005). *Laporan audit sekolah yang disatukan* Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- BPPDP. 2005. *Laporan kajian penilaian graduan NPQEL*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM: Putrajaya.
- Educational Planning and Research Division (EPRD). (2005). *2005 Quick facts: Malaysian educational statistics*. Putrajaya, Malaysia: Data Unit, Educational Planning and Research Division (EPRD), Ministry of Education Malaysia.
- Institut Aminuddin Baki. (2009). *Anggaran belanjawan mengurus latihan bagi tahun 2000 - 2009*. Genting Highlands: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Institut Aminuddin Baki. (2009). *Laporan kajian impak Program King's College London (KCL)*. Genting Highlands: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jaimis Saiman. (2004). *Amalan pengurusan kewangan di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama bertaraf PTJ di Sabah*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamaruzaman Moidunny. (2009). *Keberkesanan Program Kelayakan Profesional Kepengetuaan Kebangsaan (NPQH)*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Krejcie, R., & Morgan, D. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Marzita Abu Bakar. (2010). *Pelaksanaan pengurusan kewangan sekolah menengah bertaraf Pusat tanggungjawab (PTj) di Malaysia*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan* (Edisi ke-4) Kuala Lumpur: Pencetakan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Mahmood. (1997). *Pentadbiran kewangan sekolah: Satu tinjauan amalan pengetua di Sekolah Menengah Daerah Kuala Selangor*. Tesis yang tidak diterbitkan, Univeriti Malaya, Kuala Lumpur.
- Murphy, J., & Halinger, P. (1989). Development of school administration: Lesson from emerging programmes. *Journal of Economic Review*, 27(2).
- Pallant, J. (2007). *SPSS survival manual: A step-by-step guide to data analysis using SPSS* (Edisi ke-3). Sydney : Allen & Unwin, Australia.
- Ramaiah Al. (1992). *Kepimpinan pendidikan, cabaran masa kini.*: IBS Buku Sdn Bhd. Kuala Lumpur.
- Shahril@Charil Marzuki. (2007). *Dasar dan alternatif pembiayaan pendidikan di Malaysia: Satu saranan dan cadangan*: Universiti Malaya.
- Zaidah Mustafa. (2004). *Kebaikan dan keburukan selepas bertaraf PTJ dan masalah yang dihadapi: Satu kajian kes di SM harian bertaraf PTJ di daerah Petaling*. Tesis yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zaidatul Akmaliah, L. P. (1990). *Pentadbiran pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.